# Kos gadai nyawa RM5,000

## *Pelarian etnik Rohingya belayar 21 hari ke Thailand, masuk dari Padang Besar*

**Oleh Muhaamad Hafis Nawawi**
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

"Bimbang keselamatan diri selepas rumah dan kedai runcit keluarga di Rakhine, Myanmar musnah dibakar tentera Myanmar menyebabkan saya nekad berpindah ke Malaysia," kata pelarian etnik Rohingya yang ingin dikenali Abu Rahman, 24.

Menurutnya, dia berpindah ke Malaysia pada 2014 selepas didatangi ejen di Rakhine selain dipelawa rakannya yang sudah menetap di Malaysia sejak 2010.

"Saya dikenakan bayaran keseluruhan RM5,000 ketika itu untuk datang ke sini di mana RM500 dibayar sebelum menaiki bot.

"Pada mulanya mereka memberitahu kami hanya berada di atas bot selama lapan hari menyebabkan saya hanya membeli bekalan makanan cukup untuk tempoh itu namun sebaliknya kami belayar selama 21 hari sebelum mendarat di Thailand," katanya.



Dua bot tunggu 'line clear'

*Sindiket seludup Rohingya menanti masa sesuai ceroboh perairan Malaysia*

*Bayar RM15,000 sudah boleh sampai Malaysia*

LAPORAN Harian Metro, semalam.

> *Saya hanya membeli bekalan makanan cukup untuk tempoh itu namun sebaliknya kami belayar selama 21 hari sebelum mendarat di Thailand"*
>
> **Abu Rahman**

Abu Rahman berkata, ketika berada di atas bot dia hanya makan nasi, biskut dan roti dan air, malah ada seorang yang meninggal dunia ketika itu kerana terputus bekalan makanan dan kehausan.

"Sebaik mendarat di Thailand dia dibawa masuk ke Malaysia dari Padang Besar, Perlis dan bermalam sehari di sana sebelum dibawa ke Pulau Pinang dengan kereta.

"Saya perlu membayar RM5,000 sebaik tiba di Malaysia di mana RM2,000 dihantar dari kampung di Myanmar manakala baki RM3,000 dibayar rakan saya yang ada di Malaysia," katanya.

Dia yang kini menetap di Ampang berkata, sebaik tiba di Pulau Pinang rakannya datang menjemput dan membawanya ke Kuala Lumpur.

"Saya berasa selamat apabila sampai di Malaysia kerana hendak mengamalkan ajaran Islam tidak perlu bimbang sebaliknya jika di sana hendak ke surau pun tidak berani bimbang dibunuh.

"Terima kasih kepada rakyat Malaysia dan kerajaan kerana kami dapat tinggal di sini dalam keadaan aman dan damai," katanya.

Harian Metro semalam melaporkan ratusan etnik Rohingya yang menaiki dua bot dikesan berada di perairan negara jiran dan menunggu masa menceroboh masuk ke negara ini.

Mereka ini tidak pernah serik atau berputus asa walaupun mengetahui risiko keselamatan berada di laut malah sanggup membayar RM15,000 seorang kepada tekong darat yang mampu memperoleh RM3 juta laba untuk sebuah bot yang memuatkan 200 orang.

Faktor ajakan saudara mara yang sudah lama berada di negara ini selain mahu kehidupan yang lebih baik menyebabkan mereka sanggup menggadai nyawa.